

Lawatan akademik dedah suasana pembelajaran

● **PROGRAM TALENT VISIT 2006**
(Lawatan Akademik, Kepemimpinan, Industri, Keusahawanan dan Integrasi Budaya Taiwan 2006)

Program Lawatan Taiwan adalah program lawatan sambil belajar yang dibahagi kepada lima iaitu lawatan akademik ke beberapa universiti berasaskan kejuruteraan yang tersohor di Taiwan, lawatan industri ke kilang dan tempat peninggalan sejarah.

Objektif program Talent Visit 2006 ini ialah untuk memberikan peluang kepada pelajar Kuktem mengadakan jalinan dengan wakil pelajar dari beberapa universiti di Taiwan menerusi lawatan akademik di samping menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama.

Selain itu, program Talent Visit 2006 juga memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia pengurusan dan kepimpinan yang berkesan serta melahirkan individu berpotensi dan berkualiti dari aspek sahsiah dan spiritual.

Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai co-

rak kehidupan pelajar, belia dan masyarakat di Taiwan serta suasana pembelajaran di institusi pengajian tinggi di negara itu.

● **Pasukan Koreiv'07 di Korea**

Pada 15 Mei 2007, seramai 15 peserta Korea Educational Visit Program 2007 (Koreiv'07) berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menaiki pesawat penerbangan Cathay Pacific ke Seoul, Korea.

Ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon, Seoul disambut pelajar Malaysia di Korea.

Selepas itu, delegasi Koreiv'07 dibawa ke Pejabat Kedutaan Malaysia di Hannam, Seoul. Pihak kedutaan menerima baik kehadiran delegasi itu dengan mengadakan satu perjumpaan tidak rasmi.

Delegasi diberi tempat penginapan di apartmen pejabat kedutaan. Pada sebelah petang, delegasi dijemput mengadakan sesi perkenalan dengan perwakilan pelajar dan wakil staf Hanyang University, Seoul.

Madam Choi Yoo Na dan Hanyang

University International Volunteer Association (Haiva) menyambut baik kedatangan delegasi Koreiv'07. Hanyang University adalah universiti yang bersetuju melakukan sesi penyelidikan technopreneurship yang menjadi objektif utama Koreiv'07.

Seterusnya, penyelidikan yang bertajuk 'the awareness and implementation of technopreneurship for the tertiary level; comparative study between the engineering student of Universiti Malaysia Pahang and Hanyang University, Korea' dilaksanakan dengan baik dengan kerjasama pelajar Malaysia Hanyang University dan pelajar Hanyang University.

Seramai 100 orang peserta dari pelajar kejuruteraan Hanyang University turut serta.

Delegasi Koreiv'07 turut melawat makmal kejuruteraan mekanikal dan makmal kejuruteraan biokimia. Menerusi lawatan itu, delegasi memperoleh pelbagai maklumat teknologi terbaru yang masih dalam penyelidikan dan berpotensi untuk dikomersialkan pada masa depan.

Program bersama penduduk Islam di Korea kerjasama Jawatankuasa

Central Masjid, Seoul diadakan di Soksa, PyeongChang di kawasan pergunungan. Program ini amat menyenangkan dan memberi semangat kepada peserta Koreiv'07.

Sebelum memulakan sesi perbincangan mengenai isu semasa dan agama Islam di Malaysia dan Korea, delegasi Koreiv'07 turut ditayangkan dengan video sambutan ulang tahun ke-60 Islam di Korea yang amat menyentuh hati peserta.

Pada program itu, peserta berpeluang mendaki bukit Gyeongju serta pemandangan amat menarik.

Antara tempat yang sempat dilawati delegasi ini ialah Namdaemun Market, Dongdaemun-gu, Itaewon, Seoul Tower, sungai buatan dan istana lama di bandar Seoul yang menjadi tarikan.

Selama enam hari di Korea, peserta Koreiv'07 dibantu pelajar Malaysia di Korea untuk mencari tempat untuk memperoleh bekalan makanan halal.

● **Hong Kong SMART Visit 2007**

Hong Kong SMART Visit 2007 atau

juga dikenali sebagai Hong Kong Structural, Multiculture and Integration, Research, Transportation Visit 2007 tercetus daripada keinginan untuk membalas lawatan rasmi Professor Kenny Kwok, seorang profesor Hong Kong University of Science and Technology (HKUST) ke Universiti Malaysia Pahang pada Jun 2005.

Program Hong Kong SMART Visit 2007 merangkumi semua aspek di atas iaitu struktur, kepelbagaian dan penggabungan budaya, kajian dan pengangkutan.

Program ini disertai 11 mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) iaitu enam lelaki dan lima wanita serta diiringi oleh dua pegawai pengiring. Delegasi berada di Hong Kong selama 8 hari 7 malam bermula pada 1 hingga 8 Julai ini.

Peserta dipilih adalah antara pelajar terbaik FKASA yang juga mempunyai latar belakang kepimpinan mantap. Program ini adalah kerjasama antara Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.